

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

BIL. 11 TAHUN 2024

NOVEMBER 2024



PROGRAM HARI TERBUKA PSIKOLOGI DAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)



PUTRAJAYA, 7 November 2024 - Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah mengadakan Program Hari Terbuka Psikologi Dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) bertempat di Dewan Persidangan, Aras 1, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Istana Kehakiman, Putrajaya.

Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan dan mempromosi kesejahteraan psikologi di tempat kerja dan mempromosikan peranan AKRAB PKPMP dalam menjadi sumber rujukan dan perkongsian berkaitan pembangunan kerjaya pegawai terutamanya aspek pengurusan kendiri.

BULETIN @ PSIKOLOGI



ia juga bagi berkongsi maklumat tentang sokongan sosial dan moral kepada pegawai mengadaptasi perubahan positif untuk berprestasi cemerlang di tempat kerja. Program ini juga merupakan medium untuk berkongsi tentang ilmu psikologi daripada penceramah-penceramah jemputan yang arif tentang tajuk slot yang disampaikan.

Program ini telah berjaya dilaksanakan dan ia telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada Warga Kehakiman serta AKRAB PKPMP dari seluruh Mahkamah Negeri yang hadir. Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) berhasrat agar program ini dapat dijadikan sebagai program tahunan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.



HARI BERSAMA AKRAB PERINGKAT NEGERI SELANGOR



SELANGOR, 27 November 2024 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah dijemput menghadiri Hari Bersama AKRAB peringkat Negeri Selangor bertempat di Pusat Kos Mahkamah Selayang.



Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti pemeriksaan kesihatan, HPV DNA, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir dan Warna, Uji Minda, Muzik Terapi, Booth Agro Bank dan Am Bank serta Booth Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN). Program ini telah di rasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Mohd Nasir bin Nordin, Pengarah Mahkamah Selangor.